

## **MENEROKA KEFUNGSIAN KELUARGA REMAJA PEREMPUAN TIDAK TERKAWAL YANG DIRUJUK IBU BAPA UNTUK INTERVENSI KERJA SOSIAL**

*(Exploring the Family Function of Beyond Control Female Teenagers Who Were Referred for  
Social Work Interventions)*

Maznah Othman, Norulhuda Sarnon, & Ezarina Zakaria<sup>1</sup>

### **ABSTRAK**

Remaja berhadapan dengan cabaran perkembangan diri, namun turut terkesan dengan persekitaran keluarga yang berubah seiring kemajuan teknologi serta globalisasi. Dengan begitu banyak kes remaja perempuan yang terlibat dengan tingkah laku tidak terkawal dirujuk oleh ibu bapa mereka untuk tujuan pemulihan kepada pekerja sosial, maka timbul persoalan tentang bagaimana kefungsiannya keluarga mereka. Justeru kajian kualitatif dengan pendekatan kajian kes ini bertujuan untuk meneroka kefungsiannya keluarga remaja perempuan tidak terkawal. Pemilihan informan adalah secara persampelan bertujuan, terdiri daripada remaja perempuan berumur 13 hingga 18 tahun yang telah dirujuk ke Jabatan Kebajikan Masyarakat kerana pelbagai masalah tingkah laku. Hasil kajian menunjukkan terdapat tiga ciri utama ketidakfungsiannya keluarga remaja perempuan tidak terkawal iaitu (i) sosioekonomi yang rendah; (ii) gaya keibubapaan tidak bersesuaian; dan (iii) tiada role model dalam keluarga. Perkembangan semulajadi remaja turut dilihat sebagai pengalaman yang berkaitan dengan tingkah laku tidak terkawal. Secara umumnya remaja perempuan tidak terkawal bukan sahaja mempunyai keluarga disfungsi, tetapi turut berhadapan dengan cabaran persekitaran negatif dan tidak mampu membuat penyesuaian dengan keluarga tersebut. Kesimpulannya, remaja perempuan yang tidak terkawal berhadapan dengan dilema dan kemelut kerana mempunyai keluarga yang tidak berfungsi. Beberapa cadangan program pemulihan turut diberikan seperti intervensi berasaskan keluarga, pemerikasaan remaja dan keluarga disamping pemantapan nilai-nilai murni, moral dan kerohanian. Ketidakfungsiannya keluarga turut diambil kira di dalam program intervensi bagi membantu remaja perempuan ke arah yang lebih produktif dan hidup dalam keluarga yang lebih sejahtera.

**Kata kunci:** Kefungsiannya keluarga; remaja; tingkah laku tidak terkawal; remaja perempuan; rujukan ibu bapa

### **ABSTRACT**

Nowadays, adolescents not only face challenges of self-development, but are also affected by the change in family environment due to the advancement in technology and world globalisation. Along with the increasing number of female adolescents involved with inappropriate behaviours brings to light the question on how fully functional is the families of these adolescents. In an attempt to answer this, a qualitative approach in the form of a case study was carried out. The aim

of this study is to find out how female delinquents' families function. A purposive sampling method was used to select the participants of this study which consisted of five female adolescent delinquents, aged 13 to 18 years who have been referred to the Social Welfare Department by their parents due to various behavioural problems. The findings of this study which was revealed through interview sessions and document analysis, shows that there are (i) family socio-economic status; (ii) negative parenting; and (iii) no role model in the family. In conclusion, female delinquents do not only come from dysfunctional families, but they are also facing the challenges of an unsafe environment and problems with adjusting themselves in the family. Thus, several prevention measures such as family based intervention, empowerment and self capacity building suggested. Dysfunctional families have been discussed in intervention program to enhance female adolescents' productivity and to aid them towards a more prosperous family environment.

**Keywords:** Family function; teenagers; beyond control, adolescent delinquents; referred by parents

## **PENGENALAN**

Isu sosial dan tingkah laku tidak terkawal bukan lagi sesuatu yang baru tetapi amat kritikal dan wajar diberi perhatian khusus oleh semua pihak termasuklah ibu bapa, komuniti dan agensi khidmat sosial. Isu tingkah laku tidak terkawal di kalangan remaja dibawah umur 18 tahun adalah antara masalah sosial yang berlaku di seluruh dunia tanpa mengira status samada negara maju ataupun negara membangun (Siti Noor Fazariah & Zulkarnaen 2014). Peningkatan isu remaja tidak terkawal dari tahun ke tahun menjadi ancaman besar kepada negara sekiranya tidak ditangani sebaiknya. Malahan remaja hari ini telah terlibat dengan pelbagai jenis jenayah seperti mencuri, merogol, menjual diri, membunuh, terlibat dalam pergaduhan dan samseng (Rozmi 2015). Menurut Siti Hajar et al. (2017) masalah penglibatan remaja Malaysia dalam seks rambang dan hamil luar nikah adalah kritikal. Malahan terdapat sesetengah remaja yang menjalinkan hubungan seks atas dasar suka sama suka dan mula melakukan hubungan seks semasa di sekolah rendah lagi (Ezarina et al. 2017).

Berdasarkan laporan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), kes remaja tidak terkawal menunjukkan jumlah yang tinggi saban tahun. Daripada jumlah tersebut, peratusan remaja perempuan yang terlibat dalam masalah tidak terkawal adalah jauh lebih tinggi berbanding remaja lelaki. Statistik turut menunjukkan bagi tahun 2011 hingga 2017, sebanyak 2,587 kes remaja perempuan tidak terkawal telah direkodkan berbanding 1,339 kes remaja lelaki (JKM 2017). Daripada statistik JKM juga, bilangan remaja yang hamil luar nikah dan mendapatkan pemulihan JKM pada tahun 2012 hingga 2017 adalah sebanyak 1,421 kes.

Remaja tidak terkawal boleh dibahagikan kepada dua bentuk iaitu tingkah laku remaja yang di luar kawalan ibu bapa dan remaja yang terdedah kepada bahaya moral seperti terlibat dalam pelacuran serta keintiman seksual (Hussin 2005). Remaja perempuan tidak terkawal ialah seseorang yang berusia di bawah 18 tahun, remaja yang di luar kawalan ibu bapa, remaja yang terdedah dengan bahaya moral atau bahaya jenayah seperti terlibat dengan tingkah laku seksual seperti pelacuran, melakukan hubungan seks secara sukarela, serta remaja yang dirujuk untuk pemulihan oleh Pegawai Akhlak JKM. Pegawai Akhlak pula adalah seorang pekerja sosial yang berkhidmat di JKM dan menjalankan perkhidmatan kerja sosial dengan kanak-kanak (remaja).

Bagi kes remaja tidak terkawal, Seksyen 46 Akta Kanak-kanak 2001 (Pindaan 2016) menyatakan bahawa mana-mana ibu bapa atau penjaga yang tidak lagi dapat mengawal anak-anak mereka kerana telah terlibat di dalam perlakuan delinkuen, Akta membolehkan ibu bapa atau penjaga remaja memohon kepada Mahkamah Bagi Kanak-Kanak (MBKK) secara bertulis bagi menahan remaja tersebut untuk tujuan pemulihan. Mahkamah seterusnya boleh membenarkan remaja itu ditempatkan di mana-mana institusi pemulihan ataupun boleh diletakkan di bawah pengawasan seorang pekerja sosial JKM selama tempoh tidak melebihi tiga tahun.

Banyak kajian di dalam dan luar negara pernah dibuat untuk mengkaji faktor penglibatan remaja dalam masalah tidak terkawal. Antara dapatan kajian terdahulu terhadap faktor penglibatan dalam masalah tingkah laku sosial adalah dalaman diri remaja itu sendiri, kegagalan fungsi institusi keluarga, pengaruh rakan sebaya, taraf pendidikan akademik ibu bapa yang rendah, kawalan keluarga yang lemah, penderaan dan pengabaian, pengaruh *media massa*, kepesatan pembangunan jaringan telekomunikasi serta pengaruh persekitaran sekolah (Amran et al. 2014; Rozmi 2015, Siti Noor Fazariah & Zulkarnaen 2014; serta Siegel & Welsh 2015).

Di Malaysia, telah banyak kajian mengenai remaja delinkuen terlibat dengan jenayah dan implikasi undang-undang dijalankan. Namun begitu, kebanyakan kajian tersebut lebih menjurus kepada remaja lelaki dan remaja yang telah dimasukkan ke institusi pemulihan akhlak. Masih kurang kajian yang memfokuskan kepada remaja perempuan delinkuen dan tidak terkawal. Malah hampir tiada kajian yang dibuat mengenai remaja perempuan tidak terkawal yang masih tinggal bersama keluarga. Remaja perempuan pula merupakan golongan yang mudah terdedah kepada bahaya moral dan tingkah laku. Kerana itu, semakin banyak kajian yang dibuat khusus terhadap remaja perempuan (Nasrudin et al. 2012; Salamatussaadah & Nor Ba'ayah 2009; xxx et al. 2018; Fauziah et al. 2014; Khadijah et al. 2012). Di Malaysia juga, stigma terhadap wanita yang hamil tanpa nikah masih kuat. Mereka akan dicemuh, dipandang hina, mencemarkan nama keluarga dan kebiasaannya wanita tersebut akan dibuang oleh keluarga mereka sendiri (Rohany et al. 2016). Dengan begitu banyak cabaran dan dilema yang perlu dihadapi serta banyak kes remaja perempuan di Malaysia hari ini yang terlibat dengan tingkah laku tidak terkawal, wujud keraguan tentang bagaimana sebenarnya kefungsiannya keluarga mereka. Maka, isu-isu kefungsiannya keluarga inilah yang ingin dikaji memandangkan banyak hasil kajian lalu yang sering mengaitkan faktor kekeluargaan dengan gejala keruntuhan akhlak dan tingkah laku delinkuen remaja.

## **KEFUNGSIAN KELUARGA**

Keluarga sebagai sebuah unit sosial sangat berpengaruh dalam perkembangan dan jangka hayat individu (Azlina & Suzila 2010; Sabora 2007). Keluarga juga menjadi faktor penting dalam pembentukan psikologi, emosi, mental dan kognitif individu (Sabora 2007). Keluarga yang sihat ialah keluarga yang sentiasa berada dalam landasan yang menjurus ke arah kebaikan untuk ahli-ahlinya (Harlina 2004). Freud (1953) pula merujuk keluarga sebagai kombinasi ibu dan bapa yang tinggal serumah atau pun mempunyai anak. Masing-masing ahli di dalam keluarga mempunyai peranan dan tanggungjawab tersendiri bagi menjamin kefungsiannya sesebuah keluarga. Kefungsiannya keluarga pula menjadi tonggak pembinaan masyarakat, dan ini bermakna jika keluarga itu berfungsi dengan baik dan sejahtera, maka sudah semestinya masyarakat yang terbina akan sejahtera dan harmoni (Amran et al. 2014). Kefungsiannya keluarga merujuk kepada kualiti interaksi

dan ia termasuklah daya tahan, perpaduan, adaptasi dan komunikasi di dalam keluarga (Olson1988). Menurut Wood et al. (1988) pula, kefungsiannya merujuk kepada amalan gaya keibubapaan, interaksi dan komunikasi, kesenggangan, keterbukaan dan penerimaan yang berlaku dalam keluarga dan seterusnya membolehkan ibu bapa melibatkan diri dalam perkembangan hidup anak-anak. Asmawati et al. (2015) turut berpendapat kemahiran keibubapaan, kefungsiannya serta kesejahteraan psikologi anak-anak adalah penting di dalam memastikan kesejahteraan sesebuah keluarga. Sebaliknya, ketidakfungsiannya pula adalah berkait rapat dengan gejala negatif seperti kebimbangan, masalah sosial dan tingkah laku agresif. Jelasnya, keluarga yang berfungsi dengan baik dapat mengeratkan perhubungan, malah meningkatkan lagi penghargaan sendiri remaja dan dapat mengelakkan penglibatan perlakuan delinkuen (Preechawong et al. 2007). Oleh yang demikian, sesebuah keluarga yang berfungsi dengan baik dapat mengurangkan kadar tingkah laku tidak terkawal remaja.

Telah banyak hasil kajian yang mendapati kefungsiannya boleh mempengaruhi kehidupan seseorang individu itu (Minuchin 1980; Testa et al. 2006). Disamping itu, banyak juga kajian (Arthur 2007; Najmuddin 2003) telah mendapati sokongan dan kawalan keluarga yang longgar antara faktor yang menjadi punca tingkah laku delinkuensi. Menurut Nasrudin et al. (2012), apabila remaja mempunyai hubungan kekeluargaan yang goyah, mereka akan beralih mengukuhkan hubungan yang lebih rapat dengan rakan sebaya atau pasangan kekasih. Jelas di sini bahawa aspek kefungsiannya memainkan peranan yang amat penting di dalam kawalan anak-anak. Dapat dirumuskan bahawa keluarga mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pembentukan personaliti, arah pemikiran dan tingkah laku seseorang. Keluarga juga memainkan peranan penting bagi perkembangan yang positif seseorang anak. Sehubungan itu, Rozmi (2015) mengatakan, ibu bapa yang mengambil berat kegiatan anak-anaknya tidak akan membiarkan aktiviti salah laku sosial terjadi, sebaliknya akan mengambil tahu dengan siapa anaknya keluar, ke mana tujuannya dan apa yang dibuat bersama rakan-rakan (Rozmi 2015).

Di samping itu, gaya dan kemahiran keibubapaan serta persekitaran keluarga yang tidak sihat boleh menggalakkan lagi anak-anak untuk terlibat dengan tingkah laku yang negatif (Asmawati et al. 2015). Kajian Noralina dan Siti Hajar (2012) juga mendapati faktor risiko keluarga turut menjadi penyumbang kepada masalah hamil luar nikah dan pembuangan bayi. Kajian tersebut juga menyatakan kebanyakan remaja perempuan yang terlibat dengan kesalahan seksual berpunca daripada situasi keluarga mereka seperti pendidikan dan pendapatan ibu bapa yang rendah, tinggal bersama ibu atau bapa tunggal, kurang sokongan dan pengawasan ibu bapa serta mempunyai ibu bapa yang turut berhadapan masalah moral mahupun seksual. Dapatan kajian Fauziah et al. (2014) pula menekankan bahawa keluarga harus memberi asuhan yang sempurna supaya anak-anak dapat menentukan perkara baik atau buruk untuk hidup mereka. Xxx et al. (2017) turut bersetuju bahawa keluarga perlu bertanggungjawab memastikan hubungan kekeluargaan kekal terpelihara kerana konflik kekeluargaan telah dikenalpasti menjadi punca kepada perlakuan hubungan seks secara sukarela.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Bagi mendapatkan gambaran sebenar mengenai kefungsiannya dan kesannya dalam tingkah laku remaja perempuan tidak terkawal, pengkaji memilih rekabentuk kajian kualitatif dengan

menggunakan strategi kajian kes jenis penerokaan. Bagi mendapatkan maklumat yang mendalam, terperinci dan relevan dengan kajian, pengkaji menggunakan kaedah temu bual mendalam dan separa berstruktur. Satu protokol temu bual digunakan bagi menjadi garis panduan kepada pengkaji agar kekal berfokus ketika proses pengumpulan maklumat. Kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Kaedah persampelan bertujuan digunakan kerana informan yang dipilih merupakan individu yang mengalami fenomena yang sedang dikaji dan mempunyai maklumat yang lengkap tentang data kajian. Informan juga mempunyai pengalaman, berhadapan dengan masalah-masalah sedemikian, serta dapat memberi refleksi tentang fenomena yang sedang dikaji.

Sampel di dalam kajian ini adalah terdiri daripada remaja perempuan tidak terkawal yang dirujuk oleh ibu bapa mereka untuk tujuan pemulihan pekerja sosial di JKM. Informan dipilih di kalangan remaja perempuan tidak terkawal dari 11 buah Pejabat JKM Daerah di Negeri Selangor. Kriteria pemilihan informan adalah remaja perempuan yang dirujuk sebagai kes tidak terkawal di bawah Seksyen 46 Akta Kanak-Kanak 2001 (Pindaan 2016); berumur antara 13 hingga 18 tahun; dan tinggal bersama keluarga. Pemilihan lokasi kajian pula dibuat berdasarkan ciri *typicality* dengan mengambil kira beberapa pertimbangan seperti lokasi yang mudah, tidak kompleks dan menjimatkan masa. Sehubungan itu, pengkaji telah memilih negeri Selangor sebagai lokasi kajian. Ini kerana lokasi kajian yang dipilih terdapat bilangan remaja perempuan tidak terkawal seperti kriteria yang ditetapkan. Kriteria lain yang turut menjadi penentu kepada pemilihan lokasi kajian ialah remaja perempuan di negeri Selangor ini adalah yang paling ramai yang terlibat dalam masalah tidak terkawal di Semenanjung Malaysia (JKM 2017).

Bagi menghuraikan persoalan kajian, analisis data dilakukan secara manual iaitu tanpa bantuan perisian komputer dengan menggunakan kaedah *thematic analysis*. Semua rakaman temubual diterjemahkan secara verbatim yang dikelaskan ke dalam tema-tema tertentu. Seterusnya tema-tema tersebut dikelompokkan pula kepada subtema-subtema yang berkaitan dengan persoalan dan objektif kajian. Pengkaji telah menemui beberapa belas tema yang kemudiannya dibuat penyaringan data sehinggalah terhasil tiga (3) tema utama.

## **HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Informan dalam kajian ini terdiri daripada lima (5) orang remaja perempuan yang pernah dirujuk oleh ibu bapa mereka kepada pekerja sosial dan didaftarkan sebagai kes remaja tidak terkawal di JKM. Bagi maksud menjaga kerahsiaan, informan telah dinamakan Fiza, Dian, Wina, Reen dan Ikin (bukan nama sebenar). Lima orang informan sahaja dipilih kerana pengkaji telah berjaya mendapatkan titik ketepuan data daripada jumlah tersebut. Kesemua informan remaja perempuan tidak terkawal adalah berbangsa Melayu dan beragama Islam. Tiga orang remaja perempuan tidak terkawal tinggal di kawasan bandar dan dua orang remaja perempuan tidak terkawal tinggal di kawasan luar bandar. Terdapat remaja perempuan tidak terkawal yang tinggal bersama ibu bapa kandung, ibu kandung sahaja, keluarga ibu saudara dan juga dipelihara oleh nenek semenjak bayi lagi. Secara majoritinya semua remaja tinggal di kawasan perumahan kos rendah. Hanya seorang remaja yang tinggal di rumah kampung. Daripada kajian, kesemua remaja perempuan tidak terkawal di dalam kajian mempunyai tahap pendidikan yang agak rendah, iaitu remaja tidak pernah menduduki peperiksaan SPM. Kesemua lima orang remaja perempuan tidak terkawal tidak menamatkan pelajaran menengah mereka dan rata-ratanya mengatakan mereka kurang minat untuk

belajar. Ini selaras dengan hasil dapatan Nurul Badriyah et al. (2016) yang menunjukkan bahawa majoriti remaja bermasalah sosial mempunyai latar belakang akademik hingga peringkat sekolah menengah sahaja.

Dapatan kajian menunjukkan terdapat tiga (3) tema utama yang dikaitkan dengan kefungsiannya keluarga remaja perempuan tidak terkawal. Tema-tema berkaitan kefungsiannya keluarga remaja perempuan tidak terkawal boleh dikaitkan dengan sosioekonomi keluarga, gaya keibubapaan tidak bersesuaian dan tiada *role model* di dalam keluarga. Tema-tema utama dan subtema telah diringkaskan seperti di dalam Jadual 1.

Jadual 1: Tema Utama Dan Subtema Berkaitan Kefungsiannya Keluarga Remaja Perempuan Tidak Terkawal

<b>Tema utama</b>	<b>Subtema</b>
Sosioekonomi keluarga	Pendapatan tidak menentu Masalah kewangan menjejaskan keselesaan Kesibukan bekerja
Gaya keibubapaan tidak bersesuaian	Gaya keibubapaan <i>authoritarian</i> , Gaya keibubapaan <i>permissive indulgent</i> Gaya keibubapaan <i>permissive neglect</i>
Tiada <i>role model</i> di dalam keluarga	Tiada bimbingan dan penghayatan Perlakuan tidak bermoral

Sumber : Kajian Lapangan

### ***Sosioekonomi Keluarga***

Hasil kajian menunjukkan kesemua remaja perempuan tidak terkawal adalah daripada kategori keluarga berpendapatan rendah dan sederhana. Sosioekonomi keluarga remaja perempuan tidak terkawal ditunjukkan melalui Jadual 2. Terdapat keluarga remaja perempuan tidak terkawal yang merupakan penerima bantuan kewangan secara bulanan daripada JKM. Seorang sahaja remaja perempuan tidak terkawal yang kedua ibu bapanya bekerja dan mempunyai pendapatan bulanan yang stabil. Hasil kajian mendapati terdapat juga keluarga remaja perempuan tidak terkawal yang sangat terdesak sehingga melakukan pekerjaan tidak bermoral untuk mendapatkan wang sepertimana kenyataan Dian bahawa sebelum ini beliau pernah melihat ibunya melakukan aktiviti ‘menjual badan’ bagi tujuan mendapatkan duit. Dian mengakui ibunya terpaksa melakukan pekerjaan tersebut kerana masalah kesempitan hidup.

Jadual 2: Sosioekonomi Keluarga Remaja Perempuan Tidak Terkawal

<b>Informan (Bukan nama sebenar)</b>	<b>Tinggal Bersama</b>	<b>Pekerjaan ibu / penjaga</b>	<b>Pekerjaan bapa / penjaga</b>	<b>Anggaran Pendapatan (RM)</b>
Fiza	Ibu kandung	Tukang cuci	Tiada	700

Dian	Ibu kandung	Kerani bank	Tiada	2,000
Wina	Ibu dan bapa kandung	Tukang masak	Pembantu murid	4,000
Reen	Ibu dan bapa saudara	Surirumah	Tukang rumah	2,000
Ikin	Nenek	Tidak bekerja	Tidak Tetap / Pemberian keluarga	1,000

Sumber : Kajian Lapangan

Kesemua remaja perempuan tidak terkawal di dalam kajian ini tinggal di rumah kos rendah dan sederhana sahaja. Pendapatan seisi rumah remaja adalah sekitar RM 700 hingga RM 4,000. Hampir kesemua informan remaja perempuan tidak terkawal juga mempunyai ibu kandung sahaja dan tiada bapa kandung. Hanya seorang informan remaja yang masih mempunyai dan tinggal bersama ibu dan bapa kandung. Dapatan kajian ini yang menunjukkan semua remaja perempuan tidak terkawal adalah daripada latar sosioekonomi keluarga yang rendah, ibu bapa bekerja dengan pendapatan tidak menentu dan pendidikan remaja serta ibu bapa juga rendah selaras dengan Rozmi (2015) yang mengatakan remaja dari kelas sosial bawah lebih ramai yang terdedah dengan perlakuan juvana dibandingkan dengan remaja dari kelas sosial menengah dan atas. Begitu juga kajian oleh Khadijah et.al. (2012) berkaitan remaja hamil luar nikah, majoriti respondennya adalah berbangsa Melayu, tidak berpendidikan tinggi, ibu tunggal, anak pasangan ibu bapa yang bercerai, menghadapi masalah kewangan dan kurang kasih sayang keluarga. Nurul Badriyah et al. (2016) turut bersetuju bahawa kebanyakan keluarga remaja yang bermasalah sosial adalah daripada golongan berpendidikan rendah serta menghadapi kesulitan kewangan dan dibelenggu kemiskinan.

Latar belakang pendidikan yang rendah dalam kalangan ketua keluarga turut memberi kesan kepada pencapaian pendidikan anak-anak mereka. Seterusnya kajian oleh xxx et al. (2018) turut mendapati remaja tidak terkawal dan sering memberontak datang daripada keluarga yang kurang memberi perhatian dan layanan kepada anak-anak. Kekurangan perhatian dan layanan itu pula adalah rentetan daripada kesibukan ibu bapa bekerja atau bilangan isi rumah yang ramai. Ibu bapa atau ahli keluarga tidak mempunyai pendapatan yang tetap atau terlalu sibuk bekerja menyebabkan remaja membesar dalam keadaan terbiar dan kurang pemerhatian. Sebagai mengambil jalan keluar menjinakkan anak-anak, sesetengah ibu bapa menggantikan masa dan kasih sayang tersebut dengan wang ringgit dan kemewahan. Hasilnya, remaja membesar tanpa pengawasan serta bebas melakukan aktiviti yang mungkin menjerumuskan mereka ke arah perkara negatif.

Tahap pendidikan ibu bapa seringkali berhubung kait dengan taraf sosioekonomi keluarga. Ibu bapa yang berpendidikan tinggi berkemungkinan mempunyai kerjaya yang baik serta memperoleh pendapatan yang stabil dan lumayan. Kebanyakan ibu bapa remaja perempuan tidak terkawal yang kurang berpendidikan terpaksa berkerja lebih masa bagi memastikan sumber kewangan adalah mencukupi untuk seisi keluarga kerana kebiasaannya mereka memperolehi gaji yang rendah dan pendapatan yang tidak menentu. Hal ini sedikit sebanyak memberikan tekanan kepada ibu bapa serta anak-anak kerana tidak dapat memenuhi semua keperluan dan keinginan. Selvaratnam et al. (2010) menyatakan bila ahli keluarga lebih mementingkan materialistik

berbanding dengan hubungan kekeluargaan, anak-anak akan turut diabaikan. Rentetan daripada kesibukan ibu atau bapa bekerja, ramai anak-anak dari keluarga tunggal mempunyai masalah tingkah laku dan emosi akibat kurang pengawasan.

Walaupun ibu bapa menghadapi kekangan disebabkan latar sosiekonomi yang rendah iaitu tinggal di kawasan perumahan kos rendah, pendapatan bulanan tidak mencukupi, ibu bapa sibuk dengan tanggung jawab bekerja dan mencari rezeki, namun tanggung jawab mengawasi dan mendidik anak-anak tidak boleh dianggap remeh. Sehubungan itu, pengkaji suka menyarankan supaya kaedah pemantauan ibu bapa mestilah diperketatkan lagi, meluangkan lebih masa berkualiti bersama anak-anak disamping mencurahkan sepenuh kasih sayang seperti yang didambakan oleh anak-anak. Ibu bapa mesti kreatif di dalam menjalin hubungan mesra dengan anak-anak dan perlu meningkatkan kesabaran dalam usaha tersebut. Walaupun ibu bapa miskin material, namun dalam situasi yang tidak miskin dengan cinta dan kasih sayang, anak-anak dapat membesar dalam suasana kekeluargaan yang harmoni dan sejahtera. Sedikit pengorbanan oleh ibu bapa meluangkan masa mereka yang berharga dapat menyelamatkan anak-anak dari terjerumus ke dalam masalah tingkah laku.

### ***Gaya Keibubapaan Tidak Bersesuaian***

Dapatan kajian ini menunjukkan ibu bapa remaja perempuan tidak terkawal mempamerkan gaya keibubapaan yang tidak sesuai. Kebanyakannya mengamalkan gaya keibubapaan sama ada bersifat *authoritarian*, *permissive indulgence* atau *permissive neglect*. Terdapat keluarga yang terlalu mengongkong dan mengamalkan sikap terlalu tertutup yang boleh dikategorikan sebagai gaya *authoritarian*. Ia ditunjukkan melalui ciri-ciri seperti mengawal tingkah laku anak-anak dan mengenakan peraturan tanpa menjelaskan rasionalnya. Ibu bapa begini biasanya tidak peduli perasaan anak-anak dan menganggap anak-anak perlu mengikut setiap arahan tanpa kompromi atau banyak soalan. Sikap ibu bapa yang tertutup dan tidak membenarkan anak-anak menyuarakan pendapat boleh menyebabkan anak-anak menyalurkan perasaan tekanan dan ketidakpuasan hati mereka ke jalan yang salah.

Ibu bapa *authoritarian* yang sering memberikan hukuman fizikal kerana anak gagal mematuhi *standard* ditetapkan akan membuat anak menjadi marah. Rasa marah dan kesal anak itu terhadap ibu bapanya tidak berani diluahkan tetapi dilepaskan kepada orang lain dalam bentuk tingkah laku agresif (Taganing 2008). Remaja perempuan tidak terkawal mengakui memang terdapat ibu bapa yang bersikap sedemikian iaitu pemarah, ego dan suka mendera secara fizikal. Ada juga segelintir ibu bapa yang suka membebel kepada anak-anak. Menurut remaja perempuan tidak terkawal, beban atau leteran itu boleh menyebabkan mereka bosan dan suka keluar meninggalkan rumah. Perkara ini diakui oleh Fiza, Dian dan Wina yang mengatakan ibu mereka seorang yang panas baran, sukar mendengar pendapat orang lain dan selalu membebel. Disebabkan itu, mereka sering merasa bosan dan lebih suka berada di luar rumah. Seterusnya Siti Hajar et al. (2017) mengatakan kebanyakan remaja yang datang daripada keluarga yang mengamalkan gaya keibubapaan *authoritarian* didapati berisiko tinggi terlibat dalam aktiviti seks rambang yang kemudiannya menyebabkan mereka hamil di luar nikah.

Terdapat ibu bapa yang bersikap terlalu terbuka, percaya dan memberi kebebasan kepada anak-anak. Gaya keibubapaan begini adalah bercirikan *permissive indulgent*. Ibu bapa *permissive indulgent* memberi kebebasan yang keterlaluan kepada anak-anak. Ibu bapa begini langsung tidak



mengambil tahu hal anak-anak dan menganggap anak-anak boleh membuat keputusan sendiri di dalam tindakan mereka. Ibu bapa membenarkan segala tingkah laku anak dengan anggapan anak-anak perlu mendapatkan kebebasan sepenuhnya. Ini dapat dilihat apabila ibu membenarkan anak keluar dengan teman lelaki walaupun pada waktu malam. Daripada kajian, didapati segelintir ibu bapa membiarkan anak bebas melakukan apa yang diinginkan dan tidak melarang perbuatan anak yang sumbang walaupun mereka mengetahuinya. Di dalam keluarga sebegini, tiada suatu peraturan atau ketetapan khusus yang diamalkan. Masalah tingkah laku tidak terkawal boleh berlaku apabila ibu bapa tahu tingkah laku berisiko anak tetapi masih membiarkan ia berlaku. Ini boleh dilihat melalui kenyataan Fiza bahawa ibunya tahu beliau pergi ke rumah teman lelaki. Begitu juga dengan Dian yang mengatakan ibunya membenarkan beliau keluar dengan teman lelaki kerana dikenali oleh ibunya walaupun pada ketika itu remaja masih di bawah umur 14 tahun. Remaja perlukan sesuatu yang boleh dijadikan panduan untuk menjalani kehidupan mereka dan tahu membezakan mana yang baik dan buruk. Tanpa panduan dan nasihat, belum tentu remaja dapat melalui kehidupan ini dengan sebaik mungkin lalu mengakibatkan mereka terjerumus ke dalam gejala sosial.

Hasil analisis juga mendapati terdapat ibu bapa remaja perempuan tidak terkawal yang mengamalkan gaya keibubapaan *permissive neglect*. Ibu bapa ini langsung tidak mengambil tahu hal anak-anak. Implikasinya adalah ibu bapa terlalu berlembut, percaya sepenuhnya kepada anak-anak sehingga langsung tidak mengawal selia tingkah laku dan aktiviti harian mereka. Sikap lepas tangan ibu bapa menyebabkan anak terdedah kepada perlakuan berisiko. Ini berlaku kepada Dian yang memberitahu memang ibunya suka bersikap lepas tangan, tidak mahu melawat ketika beliau dirujuk kepada pekerja sosial dan mengharapkan rakan ibunya yang menjaga remaja. Ketiga-tiga jenis gaya keibubapaan *authoritarian*, *permissive indulgent* dan *permissive neglect* yang dinyatakan ini boleh mendorong kepada lemahnya pengawasan oleh ibu bapa terhadap anak-anak. Pengawasan ibu bapa adalah satu aspek yang sangat penting kepada remaja khususnya yang terlibat dengan tingkah laku tidak terkawal. Ia perlu diberikan perhatian yang serius dan memerlukan tindakan yang segera. Sikap ibu bapa yang langsung tidak mengawal tingkah laku dan aktiviti seharian anak-anak mereka boleh menyebabkan remaja ponteng sekolah, menonton pornografi, mengadakan hubungan seks luar nikah, bergaul bebas dengan kawan-kawan, pergi ke rumah kekasih, menghisap rokok, ataupun mengambil bahan larangan. Gaya asuhan yang terlalu memanjakan anak ini juga boleh menyebabkan anak menjadi memberontak apabila kehendak mereka tidak dipenuhi, tidak tahu mengawal tingkah laku dan seterusnya boleh menjerumuskan mereka ke dalam aktiviti tingkah laku tidak terkawal.

Selain daripada itu, kesibukan ibu bapa bekerja juga boleh mendorong kepada kurangnya pengawasan terhadap anak-anak. Apabila ibu bapa penat bekerja, mereka hanya ingin berehat dan tidak mahu diganggu apabila pulang ke rumah. Oleh kerana itu, anak-anak boleh keluar sesuka hati selepas ibu bapa telah tidur, pintu tidak berkunci dan tiada pengawasan oleh orang dewasa. Fiza, Wina dan Reen mengakui bahawa mereka pernah keluar dari rumah untuk bertemu teman lelaki ketika ibu atau ahli keluarga lain sedang tidur. Kurang perhatian daripada ibu bapa dan keluarga akan menyebabkan seseorang remaja merasa kehilangan tempat perlindungan sehingga mereka keluar berkeliaran atau mencari kawan-kawan bagi melepaskan perasaan dan untuk mendapat kepuasan. Mereka lebih mudah melanggar norma jika bertemu rakan sebaya yang melakukan perbuatan sama. Kurang pengawasan dan lemahnya kawalan terhadap anak-anak ternyata berlaku di dalam keluarga remaja perempuan tidak terkawal seperti mana yang dinyatakan

oleh Fiza mengenai keadaan ayahnya yang sering keluar masuk penjara kerana masalah dadah. Ibunya pula kurang memberi perhatian kepada Fiza kerana sibuk dengan pekerjaan. Seterusnya, Dian pula mengakui ibu kandungnya selalu tiada di rumah dan kadang-kadang ibu Dian keluar lalu membiarkan Dian tinggal bersendirian di rumah. Menurut Dian; “*mak selalu takde. Dia pergi duduk dengan boyfriend dia 2-3 minggu lepas tu baru dia balik.*”

Siti Hajar et al. (2017) mengatakan remaja yang datang dari keluarga yang mengamalkan gaya keibubapaan yang mempunyai ciri-ciri autoritatif seperti sokongan dan kawalan tegas oleh ibu bapa, anak-anak akan kurang terlibat dengan gejala sosial. Ibu bapa yang bersikap mesra dan responsif akan membuatkan anak merasa diterima dan selesa untuk berterus terang tentang aktiviti mereka. Gaya keibubapaan autoritatif adalah tegas tetapi penyayang serta konsisten. Gaya keibubapaan autoritatif akan melahirkan individu yang mempunyai nilai-nilai positif. Ini kerana ibu bapa mereka memberi penjelasan yang rasional tentang peraturan-peraturan dalam didikan mereka kepada anak-anak. Ibu bapa dalam kategori ini mempunyai jangkaan yang tinggi terhadap anak-anak tetapi sentiasa memberi sokongan terhadap anak- supaya berjaya (Azizi, Yusof & Kamaliah 2005).

### ***Tiada Role Model di Dalam Keluarga***

Hasil analisa data temu bual mendapati remaja terlibat dalam tingkah laku tidak terkawal tidak mempunyai *role model* dalam keluarga. *Role model* utama bagi aspek penghayatan dan pengamalan agama di dalam keluarga serta perlakuan tidak bermoral di kalangan ibu bapa atau ahli keluarga remaja perempuan tidak terkawal dikesan tidak wujud di dalam keluarga remaja perempuan tidak terkawal.

Kesemua remaja perempuan tidak terkawal yang dikaji mengatakan tiada atau kurang pengamalan rutin agama di dalam rumah mereka. Ini termasuklah tidak mengerjakan solat lima waktu, tidak puasa dan tidak diajar ilmu asas agama yang mencukupi. Apabila ibu bapa remaja sendiri kurang pemahaman serta amalan agama, mereka tidak dapat mengajarkannya pula kepada anak-anak. Daripada kajian, kesemua remaja perempuan tidak terkawal menyatakan ibu bapa atau ahli keluarga mereka tidak atau jarang-jarang mengerjakan solat. Dian misalnya pernah dibiarkan tinggal dan diasuh oleh keluarga neneknya yang bukan beragama Islam semasa Dian masih kecil. Terdapat juga ibu bapa remaja perempuan tidak terkawal yang berpendirian agama boleh dipelajari sekadar di sekolah sahaja. Menurut Dian, beliau sering diberitahu oleh ibunya supaya belajar agama di sekolah sahaja. Dian turut mengatakan ibunya tidak solat tetapi berkelakuan baik sedikit semasa bulan Ramadhan. Wina mengatakan ibu atau ayahnya tidak pernah mengajar atau menyuruh solat. Reen pula mengatakan ibu saudaranya tidak pernah mengajar beliau membaca al-quran, solat atau puasa. Reen turut memberitahu bapa saudaranya selalu tidak berpuasa pada bulan Ramadhan. Adik-beradik Reen pula hanya berpuasa mengikut keadaan atau apabila difikirkan sesuai sahaja. Ikin turut memberitahu beliau tidak pernah melihat nenek dan pakciknyanya solat semasa di rumah. Jelas kenyataan oleh informan remaja perempuan tidak terkawal menunjukkan bahawa penghayatan dan amalan agama adalah sangat lemah di dalam keluarga mereka. Daripada kenyataan tersebut, dapat dibuat kesimpulan tentang kurangnya penghayatan agama di dalam keluarga remaja perempuan tidak terkawal.

Pengkaji terdahulu turut mengatakan antara punca berlakunya permasalahan sosial dalam kalangan generasi muda adalah disebabkan oleh kurang pendidikan agama dalam kalangan ahli

keluarga. Pengetahuan, penerapan dan amalan agama yang lemah dalam kalangan ibu bapa tidak membantu kepada perkembangan, perlakuan dan tingkah laku yang positif anak-anak (Sabitha 2008). Hal ini turut menggambarkan bahawa semakin tinggi pengetahuan agama, maka semakin rendah kecenderungan remaja untuk terlibat dengan aktiviti yang tidak bermoral dan menyalahi undang-undang negara (Fauziah Ibrahim et al. 2012). Kajian Azhar dan Ab. Halim (2005) telah menunjukkan hanya sekitar 16 peratus pelajar sahaja yang menunaikan ibadah wajib iaitu solat lima waktu sehari semalam. Kajian ini juga membuktikan bahawa penglibatan remaja dalam masalah sosial serta tahap penghayatan agama di kalangan remaja perempuan tidak terkawal adalah disebabkan kurangnya amalan kerohanian seperti menunaikan solat. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti informan tidak berpegang kepada amalan beragama dengan tidak mendirikan solat dan ibu bapa tidak ambil kisah sekalipun tidak menunaikan solat. Arieff dan Wardah (2006) turut menyatakan kemantapan agama berlaku agak lewat dalam diri remaja iaitu di antara umur 23 dan 24 tahun. Berdasarkan kes-kes dalam kalangan remaja seperti hamil luar nikah, zina dan pelacuran menunjukkan bahawa kurangnya penerapan nilai agama sejak kecil membawa kesan terhadap perkembangan personaliti remaja hingga mereka dewasa. Kurangnya amalan kerohanian itu menyebabkan seseorang remaja mudah resah apabila berhadapan dengan cabaran seperti kemiskinan, meratapi nasib diri dan merasa tiada lagi jalan penyelesaian terhadap masalah mereka sehingga mengambil keputusan untuk terlibat dengan kes pelacuran (Tengku Elmi et al. 2015).

Dapat disimpulkan bahawa pengetahuan agama yang cetek dan tiada *role model* mempraktis agama di rumah menyebabkan remaja mudah terjebak dengan tingkah laku yang melanggar agama serta moral. Manusia akan mudah hilang pegangan pada nilai-nilai agama sekiranya asas pengetahuan agama itu sendiri tidak kukuh. Akan tetapi kajian Nasrudin (2012) telah menunjukkan walaupun kesemua responden kajian mempunyai tahap pendidikan agama yang baik namun akibat daripada terlalu ikutkan nafsu mereka telah memuaskan keinginan seksual mereka secara salah. Di antara sebab hal itu terjadi adalah para remaja tidak mengamal dan menghayati ajaran agama yang ditimba secara formal mahupun tidak formal. Justeru, walau dalam apa keadaan sekalipun ibu bapa perlu menjadi *role model* dalam aspek amalan beragama agar boleh dicontohi oleh anak-anak. Seterusnya dapatan daripada kajian ini menunjukkan terdapatnya ibu bapa, ahli keluarga atau salah seorang daripadanya terlibat dalam kegiatan atau tingkah laku tidak bermoral. Masalah tingkah laku negatif ibu bapa atau ahli keluarga yang tidak bermoral itu boleh mendorong kepada sosialisasi negatif remaja. Ibu bapa atau ahli keluarga yang mempunyai tingkah laku tidak bermoral memberikan contoh yang tidak baik di dalam perkembangan hidup seseorang anak itu. Anak-anak akan beranggapan apa yang dilakukan oleh ibu bapa adalah sesuatu yang normal, bukan suatu kesalahan serta biasa berlaku di mana-mana, malahan ibu bapa atau ahli keluarga juga bebas melakukannya. Berkaitan *role model* jenayah atau antisosial ibu bapa ini, Siti Hajar et al. (2017) mengatakan kebanyakan remaja yang terlibat dengan pergaulan bebas sehingga hamil luar nikah datang dari keluarga yang ibu bapa atau salah seorang darinya terlibat dengan pelbagai aktiviti jenayah seperti penyalahgunaan dadah, pelacuran, geng samseng, judi dan ketagih arak.

Hasil dapatan kajian ini dan juga jika dilihat dari aspek kefungsi keluarga, boleh dikatakan remaja perempuan tidak terkawal terlibat dengan masalah tidak terkawal antaranya berpunca daripada kepincangan dan masalah moral di dalam keluarga sendiri. Bapa Fiza adalah seorang penagih dadah dan sering keluar masuk penjara. Fiza membesar tanpa sokongan dan tunjuk ajar seorang bapa. Ibu Dian pula mempunyai ramai teman lelaki. Bagi Dian, beliau terjebak dengan

gaya hidup bebas dan tidak terkawal disebabkan kurang perhatian dan kasih sayang daripada ibu kandungnya. Dian juga mengatakan semasa beliau masih kecil, ibunya sering membawa masuk lelaki yang berlainan ke rumah mereka. Kenyataan daripada Dian, "... *suka gaduh dengan mak sebab mak suka bawak lelaki masuk rumah. pakwe dia... tapi orang lain-lain*".

Dian juga percaya ibunya pernah 'menjual diri' iaitu mencari wang dengan menawarkan perkhidmatan seks untuk mendapatkan nafkah hidup. Bagi Reen pula, ibunya pernah melahirkan anak luar nikah walaupun ketika beliau masih menjadi isteri orang dan telahpun mempunyai lima orang anak. Reen juga memberitahu kakaknya pernah melakukan hubungan seks, pernah mengandung dan menggugurkan kandungan tersebut walaupun ketika itu kakak Reen baru berumur 14 tahun. Dua orang abang Reen merupakan penagih dadah tegar walaupun kedua-duanya masih di usia remaja. Ada kalanya mereka menghisap dadah di hadapan Reen dan adik-adik yang lain. Selain itu, Ikin pula mempunyai ibu kandung yang merupakan bekas pelatih institusi pemulihan akhlak JKM. Ikin turut memberitahu bahawa ibu kandungnya seorang yang degil, sangat suka bersosial dan pernah melahirkan tiga orang anak tidak sah taraf termasuklah beliau sendiri. Selain daripada itu, kenyataan Ikin yang berikut juga membuktikan bahawa ibunya mempunyai masalah moral yang tersendiri; "*Ikin cakap ibu pelacur. ibu sedar tak sape diri ibu. sebelum ibu kahwin, ibu perempuan jenis apa. seorang pelacur. Ikin malu lah ibu...dapat ibu macam ni semua. ibu tau tak... sampai form 1, kakak kena panggil anak haram, anak luar nikah semua*". Sebagaimana Dian, Ikin turut percaya apa yang berlaku adalah kerana mengikut jejak langkah ibunya yang mempunyai masalah moral. Khadijah Alavi et.al (2012) dalam kajiannya mendapati keluarga merupakan faktor utama bagi pembentukan sahsiah dan kesejahteraan psikologi remaja. Kajiannya mendapati remaja yang hamil luar nikah tidak mempunyai perapatan dengan ibu bapa dan ia merupakan antara faktor yang mendedahkan mereka kepada aktiviti seksual yang tidak sihat dan akhirnya hamil luar nikah. Kajian Siti Hajar et al. (2017) mengatakan perlakuan antisosial dan jenayah oleh ibu bapa menyediakan satu ruang untuk anak-anak mereka mempelajari dan mengikuti perlakuan tersebut.

Seterusnya, daripada kajian juga didapati perkembangan hidup remaja perempuan tidak terkawal dipenuhi dengan kenangan-kenangan buruk bersama ahli keluarga mereka. Mereka juga dipamerkan *role model* yang negatif dan tidak mustahil ia telah menjadi ikutan dan tauladan informan. Anak-anak yang berjaya kebiasaannya mempunyai *role model* yang mempamerkan gaya hidup positif, mempunyai nilai moral yang baik dan teguh memegang nilai kerohanian. Selaras dengan itu juga, Teori Sistem Keluarga oleh Bowen mengatakan sistem keluarga yang baik adalah terdiri daripada subsistem perkahwinan ibu bapa, subsistem ibu bapa dan anak dan subsistem adik-beradik yang saling bergantung antara satu sama lain. Bowen turut menekankan bahawa keluarga, pekerjaan dan sistem sosial mereka yang tinggal di persekitaran yang sama akan memberi kesan terhadap tingkah laku, emosi dan pemikiran remaja. Apabila sistem dan subsistem yang saling berhubungannya itu membawakan aura dan imej yang positif, keseluruhan sistem keluarga akan menjadi positif, lancar dan sejahtera. Kejayaan setiap ahli keluarga memainkan peranan serta menjalankan tanggung jawab masing-masing di dalam sesebuah keluarga biasanya akan melahirkan anggota keluarga yang gembira dan berjaya.

Penemuan hasil kajian ini boleh menjadi penanda aras untuk pelaksanaan pelbagai program intervensi kes dengan remaja dan keluarga. Seajar dengan hasil dapatan yang menunjukkan

terdapat ciri ketidakfungsian di dalam keluarga remaja perempuan tidak terkawal, beberapa cadangan intervensi boleh diberikan. Pengkaji berpendapat program pemulihan yang paling berkesan adalah intervensi berasaskan keluarga, pemerksaan remaja dan keluarga dan juga pematapan nilai-nilai murni, moral dan kerohanian. Pekerja sosial boleh melakukan perancangan intervensi dengan persetujuan bersama iaitu klien dan keluarga. Peranan keluarga adalah sangat kritikal dalam usaha pemulihan memandangkan keluarga telah menunjukkan ciri-ciri ketidakfungsian yang menjurus kepada masalah remaja di dalam penglibatan tingkah laku tidak terkawal. Selain itu, pekerja sosial boleh mengambilkira kefungsian keluarga remaja dalam perancangan intervensi. Justeru, menjalankan intervensi pemulihan berasaskan keluarga adalah satu pilihan yang baik. Pemulihan berasaskan keluarga terbukti dapat meningkatkan kefungsian keluarga dan mendorong kejayaan intervensi remaja perempuan tidak terkawal. Selain itu, program-program intervensi yang dapat meningkatkan tahap kesedaran dalam kalangan ibu bapa dan remaja tentang kepentingan konsep kekeluargaan dan bertingkah laku positif juga sesuai dilaksanakan. Latihan-latihan dan perkongsian ilmu kemahiran keibubapaan, penerapan nilai-nilai murni dan kerohanian, kemahiran penyelesaian masalah serta teknik komunikasi berkesan merupakan contoh program yang boleh dijalankan untuk memberi kefahaman terhadap pihak yang terlibat.

## **KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa wujudnya tiga elemen ketidakfungsian di dalam keluarga informan remaja perempuan tidak terkawal iaitu sosioekonomi yang rendah, gaya keibubapaan permisif dan ketiadaan role model. Dapatan kajian ini membantu pekerja sosial dan profesion pertolongan yang lain untuk memberikan penekanan ke atas elemen ini dalam memberikan intervensi ke atas remaja luar kawal. Walaupun keluarga berhadapan dengan masalah sosioekonomi, namun selagi keluarga gagal membuat perubahan ke atas gaya keibubapaan dan tidak menunjukkan contoh yang baik kepada anak, maka ibubapa mahupun pekerja sosial tidak akan mampu menyelesaikan isu tingkahlaku luar kawal anak ini dengan berkesan.

## **RUJUKAN**

- Amran Hassan, Fatimah Yusoff & Khadijah Alavi. (2014). Pengaruh Faktor Kesepaduan (Kefungsian Keluarga) dan Kemahiran Keibubapaan Terhadap Kesejahteraan Psikologi dalam Kalangan Ibu Bapa dan Anak. 3:1 (2014) 99–105. [www.sainshumanika.utm.my](http://www.sainshumanika.utm.my)
- Arief Salleh Rosman & Wardah Mokhtar. (2006). *Membentuk Jati Diri Remaja*. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd
- Arthur, R. (2007). *Family life and youth offending: Home is where the hurt is*. London: Routledge.
- Asmawati Desa, Fatimah Yusoff, Zainah Ahmad Zamani, Nor Ba'ayah Abdul Kadir & Mohd Norahim Mohamed Sani. (2015). Kemahiran Keibubapaan, Kefungsian Keluarga Dan Kesejahteraan Psikologi Dalam Kalangan Ibubapa. *Jurnal Psikologi Malaysia* 29 (2) (2015): 32-42 ISSN-2289-8174
- Azhar Ahmad & Ab. Halim Tamuri (2005). *Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Fakulti Pendidikan.

- Azizi Yahya, Yusof Boon & Kamaliah Nordin. (2005). Hubungan Antara Konsep Kendiri, Motivasi Dan Gaya Keibubapaan Dengan Pencapaian Pelajar. Kajian yang tidak diterbitkan. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Azlina Mohd Kosnin, Suzila Mustapha. (2010). Kaitan Antara Faktor-Faktor Kekeluargaan Dengan Tingkah Laku Delikueni Pelajar. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Bowen, H.J.M. (1966). Family Therapy in Clinic Practice. New York: Jason Aronson; 1966
- Ezarina Zakaria, Nur Farrah Alya Zakaria, Norulhuda Sarnon & Nor Jana Saim. (2017). Penerimaan Mangsa Rogol Statutori Terhadap Diri Sendiri dan Pelaku Rogol: Satu Kajian Kes. Special Issue 3 (2017): 016 ISSN: 1823-884x. *Journal of Social Science and Humanities*. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Fauziah Ibrahim, Ezarina Zakaria, Salina Nen, Norulhuda Sarnon & Nor Jana Saim. (2014). Pengguna Dadah Wanita di Malaysia: Pengalaman Penagihan dan Hubungan Kekeluargaan. *Jurnal Teknologi*.
- Fauziah Ibrahim, Norulhuda Sarnon @ Kusenin, Khadijah Alavi, Mohd Suhaimi Mohamad, Noremy Md Akhir & Salina Nen. (2012). Memperkasakan Pengetahuan Agama dalam Kalangan Remaja Bermasalah Tingkah Laku: Ke Arah Pembentukan Akhlak Remaja Sejahtera. *Journal of Social Sciences and Humanities*, vol. 7 (1), April 2012.
- Freud, S.F. (1953). Circle of Friends: The Role Of Gender And Networks In Delinquent Group Friendships, & Romantic Experiences In Adolescence. *Journal of Adolescent Research*, 23, 4, 471-487.
- Harlina Halizah Siraj (2004, 12 Disember). Cabaran Globalisasi. Utusan Online. <http://www.utusan.com.my/utusan/info>. Di akses pada 26 Ogos 2015.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. (2017). Laporan Statistik. Kuala Lumpur: JKMM.
- Khadijah Alavi, Aizan Sofia Amin, Mohamad Subhi N & Norulhuda Mohd Sarnon. (2012). Kerja Sosial Di Sekolah: Memahami Dan Menangani Penderaan Kanak-Kanak. Volume 7, Number 1, 17-37, 2012.(e-Banggi)
- Khadijah Alavi, Salina Nen, Fauziah Ibrahim, Noremy Md. Akhir, Mohd Suhaimi Mohamad & Noorhasliza Mohd Nordin. (2012). Hamil Luar Nikah dalam Kalangan Remaja. *UKM*. Volume 7, Number 1, 131-140, April Special- 2012. ISSN: 1823-884x
- Minuchin, S. (1980). Families and Family Therapy. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Najmuddin, H. (2003). Memahami dan Membimbing Remaja Nakal. Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn Bhd.
- Nasrudin Subhi, Radhiah Abu Bakar, Norazura Ahmad, Suzana Mohd Hoesni, Fauziah Ibrahim & Mohd Suhaimi Mohamad. (2012). Hubungan Seksual Remaja: Antara Cinta Dan Nafsu. *Journal of Social Sciences And Humanities*, 7(1):015-025.
- Noralina Omar & Siti Hajar Abu Bakar Ah. (2012). Pendedahan Kehamilan Luar Nikah: Input Baru bagi Program Pencegahan Pembuangan Bayi. International Social Work Conference 2012 – Crafting Symbiotic Partnership and Collaboration in the Asia-Pacific Region. Perpustakaan Negara Malaysia Cataloging-in-Publication Data. Hotel Bayview Georgetown, Penang. ISBN 978-967-394-119-3
- Norulhuda Sarnon, Nor Jana Saim, Fauziah Ibrahim, Ezarina Zakaria, Suzana Mohd Hoesni, Salina Nen, Nasrudin Subhi, Mohd Suhaimi Mohmmad, Khadijah Alavi & Chong Sheau Tsuey. (2018). Meneroka Peranan Remaja Tidak Terkawal ke atas Isu Keluarga: Ke Arah

- Memahami Self Discovery Remaja Keluarga Disfungsi. *Jurnal Psikologi Malaysia* 32(4) (2018): 28-43 ISSN-2289-8174.
- Nurul Badriyah Binti Ali, Umami Farhah Binti Usman Agung & Siti Hawa Ahmad. (2016). Demografi Remaja Wanita Bermasalah: Kajian Analisis Terhadap Penghuni Dua Pusat Bimbingan, Raudhatul Sakinah dan Dar As-Sa'adah. *Journal of Humanities & Social Sciences*. KUIS. Vol 3 BIL 1 (Jun 2016). e-ISSN: 2289 8042
- Olson, D. H. (1988). Family Assessment and Intervention: The Circumplex Model of Family Systems. *Child and Youth Services*, 11, 9-48.
- Olson, D. H., McCubbin, H. I., Barnes, H., Larsen, A., Muxen, M. & Wilson, M. (1992). Family Inventories: Inventories Used in a National Survey of Families Across the Family Life Cycle. St. Paul, MN: University of Minnesota.
- Preechawong Sunida, et al. (2007). Relationships of Family Functioning, Self-esteem, and Resourceful Coping of Thai Adolescents with Asthma. *Issues in Mental Health Nursing*. 2007;28(1):21-36
- Rohany Nasir, Zainah Ahmad Zamani, Rozainee Khairudin, Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Mohd. Norahim Moh. Sani & Aizan Sofia Amin. (2016). Hubungan Antara Kesunyian dan Sokongan Sosial Terhadap Kemurungan dalam Kalangan Wanita Hamil Tanpa Nikah. *Jurnal Psikologi Malaysia* 30 (1) (2016): 152-159 ISSN-2289-8174 152
- Rozmi Ismail. (2015). Rempit di Malaysia: Isu dan Cabaran. Selangor. Perpustakaan Negara Malaysia.
- Sabitha, M. (2008). Pentadbiran dan Amalan Kerja Sosial. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salamatussaadah Abd Ghadur dan Nor Ba'ayah Abdul Kadir. (2009). Hubungan Romantik dan Remaja Hamil Luar Nikah di Pusat Pemulihan. *e-Bangji: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan* 2009;4(1):106-13
- Sapora Sipon. (2007). Perluaskan Peranan Kaunselor. *Berita Harian*. 6 Februari 2007.
- Selvaratnam, D., Nor Aini, Norlaila. (2010). Warga Emas di Malaysia: ke Arah Kesejahteraan Ekonomi dan Sosial. *Bangji*: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siegel, L.J., Welsh, B.C. (2015). *Juvenile Delinquency; Theory, Practice and Law*. 12th edition. USA. Cengage Learning.
- Siti Hajar Abu Bakar Ah, Noralina Omar Siti Balqis Mohd Azam & Zaiton Azman. (2017). Program Pencegahan Berasas Keibubapaan untuk Bertindakbalas dengan Masalah Hamil Luar Nikah dalam Kalangan Remaja. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 9(1): 1-28 1
- Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid & Narimah Samat. (2018). Kemiskinan Keluarga dan Pengaruhnya Terhadap Tahap Pendidikan Rendah Masyarakat Luar Bandar: Kajian Kes di Jajahan Bachok, Kelantan. *e-Bangji*. Vol. 13, No.2 (2018) 011-023, ISSN: 1823-884x
- Siti Noor Fazariah Bt Suis @ Mohd Rusdy & Zulkarnaen Ahmad Hatta. (2014). Tret Personaliti dalam Pembentukan Tingkahlaku Kanak-Kanak Delinkuen di Negeri Sabah. [www.ums.edu.my/conferences/skik](http://www.ums.edu.my/conferences/skik) 2014. Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014. ISBN: 978-967-0582-32-0.
- Taganing, N.M. (2008). Hubungan Pola Asuh Otoriter dengan Perilaku Agresif pada Remaja (skripsi). Jakarta: Universitas Gunadarma.

- Tengku Elmi Azlina, Nor ‘Adha binti Abdul Hamid, Azizah bint Mat Rashid, Norul Huda Binti Bakar & Norashikin binti Azmi. (2015). Kesalahan Akhlak dan Perkaitannya dengan Faktor Kematangan, Kerohanian dan Kesedaran Kendiri Individu. World Academic and Research Congress 2015 (World-AR 2015) Ar-Rahim Hall, YARSI University, Jakarta, Indonesia, 9th – 10th December 2015
- Testa, J. A., Malec, J. F., Moessner, A. M., & Brown, A. W. (2006). Predicting Family Functioning After TBI: Impact of Neurobehavioral Factors. *Journal of Head Trauma Rehabilitation, 21*, 236-247.
- Wood, J., Chapin, K., & Hannah, M. E. (1988). Family Environment and Its Relationship to Underachievement. *Adolescence, 23*(90), 283-290.

## **MAKLUMAT PENULIS**

### **MAZNAH BINTI OTHMAN**

Calon Sarjana Falsafah di Pusat Kesejahteraan Manusia dan Masyarakat,  
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia  
mmmaznah@yahoo.com

### **NORULHUDA SARNON (PhD)**

Pensyarah Kanan di Pusat Kesejahteraan Manusia dan Masyarakat,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia  
norul@ukm.edu.my

### **EZARINA ZAKARIA (PhD)**

Pensyarah Kanan di Pusat Kesejahteraan Manusia dan Masyarakat,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia  
ezaz@ukm.edu.my



